

# HADIS BERKAITAN TRANSAKSI EMAS DAN HUBUNGANNYA DENGAN RIBA (*INTEREST*) DALAM *FIQH AL-SUNNAH* DAN *BULUGH AL-MARAM*

(HADITH ON GOLD AND RELATIONS WITH INTEREST IN *FIQH AL-SUNNAH* AND *BULUGH AL-MARAM*)

Mohd Sollehudin Shuib<sup>1</sup>  
Mohd Murshidi Mohd Noor<sup>2</sup>  
Amirul Faiz Osman<sup>3</sup>  
Azizi Abu Bakar<sup>4</sup>  
Mohd Adib Abd Muin<sup>5</sup>  
Mohammad Taqiuddin Mohamad<sup>6</sup>

## Abstrak

*Artikel ini bertujuan meneliti berkaitan muamalat Islam yang menganjurkan Umat Islam bermuamalat berpandu sumber utama di dalam Islam. Penulisan ini meneliti hadis-hadis dari kitab Fiqh Sunnah dan Bulugh al-Maram yang membincangkan berkaitan urusan jual beli emas mahupun apa-apa transaksi emas di dalam Muamalat. Emas adalah barang ribawi yang mana kaedah transaksinya adalah dipandu jelas oleh al-Quran dan Hadis. Kaedah digunakan adalah dengan meneliti dan analisis hadis-hadis muamalat berkaitan kaedah urusan emas dari kitab yang dipilih dalam memandu transaksi urusan emas. Hasil penelitian mendapati terdapat enam barangan ribawi (emas, perak, gandum, garam, barli dan kurma) dan terdapat panduan khusus kepada muslim untuk menjalankan transaksi barangan ribawi mengikut luns syariah yang sepatutnya. Barangan ribawi seperti emas, garam, perak dan gandum mestilah ditransaksi secara tunai dan serah menyerah dan sama timbangan jika emas dengan emas (barang ribawi yang sama). Sementara barangan lain boleh ditransaksi secara tunai dan hutang, ditangguhkan penyerahan dan timbangan tidak semestinya sama walaupun sama jenis.*

**Kata Kunci:** *Transaksi Emas, Riba, Hadis Muamalat*

---

<sup>1</sup> Pensyarah di Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Emel: sollehudin@uum.edu.my

<sup>2</sup> Pensyarah di Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Emel: murshidi@uum.edu.my

<sup>3</sup> Tutor di Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Emel: amirulfaiz@uum.edu.my

<sup>4</sup> Prof Madya di Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Emel: abazizi@uum.edu.my

<sup>5</sup> Pensyarah di Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Emel: mohdadib@uum.edu.my

<sup>6</sup> Pensyarah di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Emel: m.taquiuddin@um.edu.my

## Abstract

*This study focuses on research related muamalat which organizes guided Muslims based on main source in Islam . This article focused on researching the traditions of the Sunnah from Fiqh Sunnah and Bulugh al-Maram who became a guide to buying and selling gold or any gold transactions in Muamalat . Gold is usury goods which is method of transaction is obviously guided by the Quran and Hadith (mostly hadith). The method used is to examine and analyze the traditions associated methods muamalat gold transactions of the selected scripture in driving gold trading transaction. Results of the study found that there are six ribawi items( gold , silver , wheat , salt , barley and dates ) and there are special guidelines for Muslims to carry out transactions ribawi accordance with the principles of sharia. These guidelines would have to cross through the main guidelines of Islamic Muamalat, namely the Quran and Hadith. Ribawi items such as gold , salt , silver and wheat must be transacted in cash and surrender and hand over the same weight if gold with gold ( usury same item ) . While other items can be transacted in cash and debt , delayed submission and consideration although not necessarily of the same type .*

**Keywords:** *Gold Transaction, Interest (riba), Muamamalt Hadith*

2016 GBSEJournal

## Pendahuluan

Panduan tatacara perniagaan secara Islam adalah sesuatu yang sempurna dalam memandu aktiviti ekonomi dan perniagaan berada di landasan dan neraca keadilan. Tatacara tersebut dipnadu oleh syariah Islam yang dibentuk untuk memenuhi keperluan manusia (Feirul, Luqman dan Abdul Monir, 2015) dalam kehidupan. Komponen ekonomi (muamalat) adalah komponen yang penting dalam kehidupan (Nurshuhaida Abdul Razak dan Siti Zaiton Mohd Dali, 2012) khususnya dari aspek memenuhi keperluan kehidupan. Hampir kesemua amalan perniagaan dibenarkan Islam kecuali amalan perniagaan tersebut terlibat dengan elemen yang dilarang dari al-Quran dan Hadis. Riba tergolong dalam larangan utama muamalat Islam atau undang-undang perniagaan secara Islam. Turut dilarang dalam Islam adalah transaksi yang berkaitan perjudian, arak dan transaksi yang tidak jelas. Dalam muamalat kontemporari, sesuatu isu juga dirujuk kepada pandangan Mazhab seperti Mazhab Syafi'i (Shamsiah Mohamad and Amer Azezy Abdullah, 2009). Dari satu sudut, riba adalah sangat terkait dengan aktiviti ekonomi seharian (Wasilul Chair, S.H.I., M.S.I., 2012).

Menurut Sayyid Sabiq (2004), definisi riba secara etimologi bermaksud *ziyaadah* (tambahan). Maksudnya ialah tambahan atas modal, sedikit mahupun banyak. Menurut (Wasilul Chair, S.H.I., M.S.I., 2012) riba merupakan tambahan khusus yang dimiliki salah satu pihak yang terlibat dalam sesuatu transaksi tanpa adanya imbalan tertentu. Riba sering juga diterjemahkan dalam bahasa Inggeris sebagai "*usury*" dengan arti tambahan wang atas modal yang dikeluarkan. Tambahan atas

modal adalah seperti memberi pinjam modal kepada seseorang 5000 kemudian meminta bayaran balik yang lebih dari 5000 samaada sedikit atau banyak seperti 5100 (sedikit) dan 10 000 (banyak). Pengkelasan jenis riba menurut fiqh Sunnah adalah (Sayyid Sabiq, 2004):

1. *Riba nasi'ah* ialah pertambahan bersyarat yang diterima oleh pemberi hutang dari orang yang berhutang karena penangguhan atas pembayaran.
2. *Riba fadhli* ialah jual beli wang dengan wang atau barang dengan barang yang disertai tambahan. Jenis riba ini diharamkan kerana termasuk kategori *riba nasi'ah*.

## Emas dan Riba

Emas adalah metal kuning berkilau yang berharga dan menjadi tumpuan ramai. Emas berunsurkan kimia, simbol aurum dan nombor atom 79 (K Nanggung, tt). Ramai orang sukakan emas dan sangat sesuai menjadi perhiasan bagi wanita. Dalam Islam, lelaki dilarang sama sekali memakai emas sebagai perhiasan. Lelaki dan wanita boleh menyimpan emas, namun cari mendapatkan emas mestilah betul dan kaedah simpanan juga harus betul. emas merupakan perhiasan dan dijadikan matawang seperti dinar dalam rentetan sejarah (Salmy Edawati Yaacob et al, 2009).

Emas tergolong dalam enam jenis barang ribawi mengikut undang-undang perniagaan Islam (Farhatun Atmam Jamaluddin dan Shamsiah Mohammad, 2012). Ini beerti kaedah jual beli emas atau mendapatkan emas secara belian haruslah mematuhi garis panduan jual beli barangan ribawi. Selain enam barang ribawi ini, transaksinya agak bebas iaitu boleh dijual beli secara tunai mahupun hutang dan serahan barang juga boleh ditangguhkan. Contohnya barangan bukan ribawi adalah pakaian, kenderaan dan kediaman yang boleh dibeli secara hutang dan barang juga boleh diserahkan secara tangguh (dilambatkan). Sementara keadaan tersebut tidak boleh bagi emas dan lima barang ribawi yang lain.

Hubungan emas dan riba di sini adalah jelas iaitu emas merupakan salah satu dari barang ribawi dalam undang-undang perniagaan Islam (fiqh muamalat). Ini beerti transaksi emas agak istimewa dan perlu mengikut kaedah transaksi barangan ribawi. Untuk memahami kaedah transaksi barangan ribawi bolehlah merujuk kepada panduan dari Quran dan hadis berkaitan panduan transaksi barangan ribawi. Dalam Fiqh al-Sunnah, hadis berkaitan emas sebagai barang ribawi dan kaedah transaksinya adalah (terjemahan):

*Rasulullah bersabda yang bermaksud, “ emas dengan emas harus dengan jumlah timbangan yang sama. “*

(HR Muslim, no. 1584)

*Rasulullah saw bersabda, “ Janganlah kalian menjual emas dengan emas kecuali sama jumlah dan janganlah kalian melebihkan sebahagian atas sebahagian lainnya, janganlah kalian menjual wang kertas dengan wang kertas kecuali sama jumlahnya dan janganlah dilebihkan sebahagian atau sebahagian lainnya, dan janganlah kalian menjual barang yang tidak ada di tempat dengan yang sudah ada di tempat. ”*

(HR Bukhari no 2177; dan Muslim no 75)

Sementara Hadis riba dan emas dalam Bulugh al-Maram ('Aidh bin Abdullah Al-Qarni, 2007; K.H. Bisri, 1975) adalah:

*Dari Abi Said al Khudriy ra. “Janganlah kalian menjual emas dengan emas kecuali sama jumlah dan janganlah kalian melebihkan sebahagian atas sebahagian lainnya, janganlah kalian menjual wang kertas dengan wang kertas kecuali sama jumlahnya dan janganlah dilebihkan sebahagian atau sebahagian lainnya, dan janganlah kalian menjual barang yang tidak ada di tempat dengan yang sudah ada di tempat”.*

(HR Muslim no 75)

*Dari Ubaidah bin Shomit ra. berkata dia berkata Rasulullah saw : “adapun emas itu dengan emas dan perak itu dengan perak dan gandum itu dengan gandum dan barli itu dengan barli dan kurma itu dengan kurma dan garam itu dengan garam sama dengan ukuran yang sama dengan sama serah menyerah , maka apabila berbeza – beza, juallah kamu semua dengan sebagaimana berkehendak kamu semua. Taktala jual-beli itu serah dengan menyerahkan.”*

(HR Muslim no 81)

*Dari Abi hurairah ra. Berkata dia, berkata rasulullah saw, “ emas itu boleh dijual dengan emas ditimbang sama dengan sama dan perak itu boleh dijual dengan perak ditimbang dengan ditimbang sama dengan sama maka, barang siapa menambahi dia atau minta ditangguhi maka, tambahan tadi itu adalah riba.”*

(HR Muslim no 84)

Lima hadis dari dua kitab ini telah memberi beberapa panduan transaksi emas sebagai barang ribawi. Walaupun hadis ini terdapat dalam dua kitab yang diteliti, sumber asal hadis-hadis ini adalah dari sumber asal yang sahih (Muhammad bin Ismail al-Bukhari, 1422H; Muslim Hujjaj, t.t.). Hadis-hadis tersebut juga jelas menyebut kesemua enam jenis barang ribawi yang dimaksudkan. Kesimpulan dari hadis-hadis tersebut adalah:

**Pertama:** Terdapat enam barangan ribawi menurut perspektif muamalat iaitu emas, perak, gandum, barli, garam dan kurma.

**Kedua:** Undang-undang atau kaedah pertukaran bagi barang-barang ribawi disebutkan mestilah sama timbangan/ berat dan mestilah berlaku serah menyerah barang (tanpa ditangguh).

Barang ribawi seperti emas hendak ditukar dengan emas mestilah sama timbangan seperti 50 gram emas mesti ditukar dengan 50 gram emas juga (walaupun berbeza kualiti tetap timbangan harus sama berat menurut sebahagian sumber). Emas dan emas yang ditukarkan itu juga mestilah berlaku serah menyerah di waktu yang sama antara pihak yang bertransaksi.

Katakan pihak A memberi 50 gram emas pada jam 9.00 pagi, pihak B juga perlu memberi emas yang hendak ditukar dengan berat 50 gram dan waktu yang tidak terlalu jauh seperti beri pada jam sekitar 9.05 pagi. Jika salah satu pihak menangguhkan penyerahan emas pada keesokan harinya, maka transaksi sebegini ke atas barang ribawi tidak dibenarkan.

**Ketiga:** Pertukaran barang ribawi yang berbeza seperti menukar emas dengan perak dibenarkan berbeza timbangan, namun serah menyerah tanpa ada penagguhan tetap perlu berlaku. Ini bermaksud sekiranya emas hendak ditukar dengan perak, dibenarkan sekila emas ditukar dengan 500 kilo perak contohnya. Tetapi serahan kedua-kedua barang haruslah secara la ni (*on the spot*) atau serah menyerah.

**Keempat:** Sekiranya salah satu aturan pertukaran barangan ribawi ini dilanggar, tidak dituruti maka pelaku boleh dikira telah terlibat dengan riba yang dilarang dalam Islam. Contoh seseorang menukar emas dengan emas tetapi tidak sama timbangan. Riba juga boleh terjadi jika penyerahan barang ribawi ditangguhkan seperti garam ditukar dengan garam tetapi penyerahan ditangguhkan. Riba adalah sesuatu yang jelas dilarang berdasarkan firman Allah dalam al-Quran:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلَ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿۲۷۵﴾

*Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan setan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat), sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhannya, lalu terus berhenti (dari mengambil riba), maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan); dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang mengulangi (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya*

(Surah al-Baqarah:275)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُضَاعَفَةً ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿۱۳۰﴾

*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah supaya kamu berjaya.*

(Surah al-Maidah:130)

Ayat al-Quran dari Surah al-Baqarah dan al-Maidah di atas jelas memberitahu kita bahawa riba adalah sesuatu yang dilarang dalam Islam. Riba juga secara rasionalnya dilarang kerana memberi

kesan kepada moral, sosial dan ekonomi dalam erti kata kesan tidak baik (Mohammad Omar Farooq, 2009).

Penjelasan lanjut berkaitan bagaimana sesuatu riba boleh berlaku melalui hadis-hadis Nabi Muhammad S.A.W. Hadis dibincangkan contohnya ini memberitahu kita bahawa terdapat kaedah khusus dalam transaksi pertukaran barang ribawi ini berbanding barang-barang yang lain. Orang Islam perlu mematuhi kaedah asas pertukaran barang ribawi yang dihuraikan, iaitu mesti serah menyerah dan mesti sama timbangan bagi kategori yang sama seperti emas dengan emas. Boleh berbeza timbangan seperti emas ditukar dengan garam tetapi mesti serah menyerah.

Jelas di sini hubungan emas dan riba adalah emas adalah salah satu dari barangan ribawi. Tidak seperti barang-barang biasa, kaedah transaksi barangan ribawi mengikut hadis adalah sedikit berbeza dengan barangan yang bukan ribawi seperti rumah, kereta dan pakaian. Barangan ribawi seperti emas, garam, perak dan gandum mestilah ditransaksi secara tunai dan serah menyerah dan sama timbangan jika emas dengan emas (barang ribawi yang sama). Sementara barangan lain boleh ditransaksi secara tunai dan hutang, ditangguhkan penyerahan dan timbangan tidak semestinya sama walaupun sama jenis seperti tembikai dengan tembikai. Pada keadaan biasa, kaedah jual beli emas mengikut hadis bukanlah sesuatu yang sukar untuk difahami, namun akhir-akhir ini muncul pelbagai pakej jual beli emas yang menimbulkan persoalan, dan ditambah pula pelbagai skim pelaburan emas (Azman Mohd Noor, 2014). Dalam muamalat Islam, kepatuhan produk kewangan Islam kepada tuntutan syariah adalah sesuatu yang amat fundamental (Amir Shahrudin, 2015).

## **Kesimpulan**

Muamalat adalah sesuatu yang luas kerana melibatkan hubungan sesama manusia. Muamalat dikhususkan oleh sifat fokusnya kepada muamalat perniagaan dan berekonomi mengikut syariah. Hampir keseluruhan aktiviti ekonomi dan perniagaan diharuskan di dalam Islam seperti berladang, berniaga, menangkap ikan, menternak, membekalkan barangan, sewa-menyewa, upah perkhidmatan, gadaian, mencari kayu api sehinggalah memiliki perniagaan pelancongan dan penerbangan. Hanya beberapa jujuk kecil sahaja aktiviti ekonomi yang dilarang dalam Islam seperti terlibat dengan transaksi riba, perjudian, penipuan dan penindasan dalam ekonomi. Perkara-perkara yang dibenarkan adalah kerana membawa kebaikan sementara yang dilarang adalah kerana membawa kesan yang tidak baik walaupun ada sedikit manfaat. Secara keseluruhannya, kesemuanya adalah berasaskan keyakinan terhadap wahyu Allah untuk meninggalkan atau melaksanakan sesuatu.

Konsep barang ribawi antara yang termasuk dalam kategori pelaksanaan yang boleh menjerumus dalam aktiviti riba jika kaedah transaksi yang digunakan tidak menepati syariah. Emas, perak, barli, kurma, gandum, barli digolong sebagai barang ribawi bukanlah beerti umat Islam dilarang membeli dan memiliki barang tersebut. Tetapi pemilikan barang tersebut dibenarkan cuma perlu mematuhi kaedah transaksi barangan ribawi iaitu serah menyerah dan secara tunai.

Sekiranya kita meneroka kitab-kitab fiqh dan hadis yang lain lagi, kita pasti menemui pelbagai lagi rahsia ilmu berkaitan emas dan barangan ribawi ini.

## Penghargaan

Artikel adalah hasil dari sebahagian laporan akhir kajian Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) (kod s/o 12939). berkaitan piawai transaksi emas.

## Rujukan

- 'Aidh bin Abdullah Al-Qarni (2007), *Bulughul maram* (perterjemah: Marzuki Salim), Kuala Lumpur: Al-Hidayah
- Al-Quran dan terjemahan pimpinan al-Rahman, Dari <http://www.alquran-melayu.com/penghargaan-acknowledgement/> (Syeikh Abdullah Basmieh)
- Amir Shahrudin (2015), *Harmonizing Shari'ah Rulings in Islamic Finance: Strategies and Challenges*, *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, vol. 12 no. 1, pg 1-12. 2015. Bandar Baru Nilai: USIM Publishers.
- Azman Mohd Noor (2014), *Halal Haram Dalam Perniagaan Emas*, dari <http://drazman.net/wp-content/uploads/2014/11/drazman-kertas-kerja-pelaburan-emas-masjid-hasanah-0211142.pdf>
- Farhatun Atmam Jamaluddin dan Shamsiah Mohammad (2012), *Pemahaman Wanita Islam Kg. Manjoi, Perak Terhadap Hukum Jual Beli Barang Perhiasan Daripada Emas Secara Ansuran*, *Jurnal Fiqh*, No. 9 (2012) 21-44
- Feirul Maliq Intajalle, Luqman Abdullah dan Abdul Monir Yaacob (2015), *Instrumen Pembahagian Harta dan Pusaka di Singapura*, *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, vol. 12 no. 1, pg 89-114. 2015. Bandar Baru Nilai: USIM Publishers.
- K Nanggung, *Definisi Emas*, tt dari <https://core.ac.uk/download/pdf/11720498.pdf>
- K.H.Bisri Mustofa (1975) *Bulughul Maram*, Rembang : Menara Kudus
- Mohammad Omar Farooq (2009), *The Riba-interest Equation and Islam: Reexamination of the Traditional Arguments*, *Global Journal of Finance and Economics*, vol. 6 no. 2, September 2009, 99-111
- Muhammad Bin Isma'il Abu 'Abd Allah al-Bukhari al-Ju'fi (1422H), *al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Min Umur Rasulillah Sallallahu 'Alayhi Wa Sallam Wa Sunanihi Wa Ayyamihi*, no. hadith 2177, j. 3. (T.T.P): Dar Tuwaq al-Najah, h. 74.
- Muslim Bin al-Hujjaj Abu al-Hasan al-Qushayri al-Naysaburi (t.t.), *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Bi Naql al-'Adl 'An al-'Adl Ila Rasulillahi Sallallahu 'Alayhi Wa Sallam*, no. hadith 81, j. 3. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, h. 1211.
- Muslim Bin al-Hujjaj Abu al-Hasan al-Qushayri al-Naysaburi (t.t.), *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Bi Naql al-'Adl 'An al-'Adl Ila Rasulillahi Sallallahu 'Alayhi Wa Sallam*, no. hadith 84, j. 3. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, h. 1212.
- Muslim Bin al-Hujjaj Abu al-Hasan al-Qushayri al-Naysaburi (t.t.), *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Bi Naql al-'Adl 'An al-'Adl Ila Rasulillahi Sallallahu 'Alayhi Wa Sallam*, no. hadith 75, j. 3. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, h. 1208.
- Muslim Bin al-Hujjaj Abu al-Hasan al-Qushayri al-Naysaburi (t.t.), *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Bi Naql al-'Adl 'An al-'Adl Ila Rasulillahi Sallallahu 'Alayhi Wa Sallam*, no. hadith 1584, j. 3. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, h. 1211.

- Nurshuhaida Abdul Razak dan Siti Zaiton Mohd Dali (2012), Perbezaan Analisis Kepenggunaan Mengikut Ekonomi Islam dan Konvensional, PROSIDING PERKEM VII, JILID 2 (2012) 1461– 1470 ISSN: 2231-962X
- Salmy Edawati Yaacob, Sanep Ahmad dan Hailani Muji Tahir (2009), Dinar Emas Dalam Islam, PROSIDING PERKEM IV, JILID 1 (2009) 449-461 ISSN: 2231-962X
- Sayyid Sabiq (2009) Fiqh al-Sunnah (penterjemah: Nor Hasanuddin dan Aisyah Saripuddin), Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications
- Shamsiah Mohamad and Amer Azezy Abdullah (2009), Kedudukan Mazhab Syafi`i Dalam Isu-Isu Muamalat di Malaysia, dari [icmsm2009.um.edu.my/filebank/published\\_article/3979](http://icmsm2009.um.edu.my/filebank/published_article/3979)
- Wasilul Chair, S.H.I., M.S.I., (2012), Riba Dari Perspektif Islam, dari <http://fe.unira.ac.id/wp-content/uploads/2012/10/RIBA-DALAM-PERSPEKTIF-ISLAM.pdf>